

SULIT

DOKUMEN INI ADALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

JAKIM (S).BP.600-1/5/10

KERTAS JKM BIL.2/ 128/ 2025

**MESYUARAT JAWATANKUASA MUZAKARAH
MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL AGAMA ISLAM MALAYSIA**

(Dibentangkan oleh Prof. Madya Dr. Muhamad Firdaus bin Ab Rahman
(Universiti Sains Islam Malaysia) dan Puan Azura Azreen binti Yusof
(Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji))

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN HUKUM
BERKENAAN
HUKUM WAKAF BERTEMPOH (*AL-MUAQQAT*)
DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA**

TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk memohon **pandangan dan pertimbangan** Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) mengenai hukum wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dan pelaksanaannya di Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Keputusan fatwa

SULIT

ini turut diperluaskan ke setiap negeri menerusi pewartaan keharusan wakaf tunai oleh jabatan mufti negeri.

3. Perkembangan semasa dan inovasi dalam bidang wakaf telah mewujudkan pelbagai produk wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan tidak terhad kepada wakaf dalam bidang keagamaan semata-mata. Antaranya seperti wakaf dalam bidang pendidikan, kesihatan dan sosial. Sumbangan wakaf tunai yang diterima daripada orang ramai termasuk peruntukan daripada Kerajaan turut mempelbagaikan lagi produk-produk wakaf di Malaysia.

4. Instrumen wakaf mempunyai potensi yang besar dalam menyumbang ke arah pengukuhan kewangan sosial Islam Malaysia selain instrumen zakat dan baitulmal. Justeru, keperluan kepada pandangan dan ketetapan hukum baharu amat diperlukan terutama dalam menggalakkan pembiayaan pembangunan projek-projek bersifat ekonomi bercirikan wakaf.

5. Wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dilihat sebagai salah satu keperluan semasa untuk menyemarak wakaf di negara ini di samping hukum wakaf *irsod*, wakaf *zurri* dan sebagainya. Berdasarkan peruntukan sedia ada, terdapat seksyen dalam perundangan wakaf di negeri berkaitan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) iaitu:

(a) Seksyen 17, Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983

*“Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid adalah muabbad, dan wakaf yang lain selain masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan **harus muaqqat** dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad”.*

- (b) Seksyen 2, Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001

*“Wakaf khas ertinya wakaf yang berkekalan, **atau bagi suatu tempoh yang tertentu**”; dan*

- (c) Seksyen 18, Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016

*“Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf irsod, wakaf muabbad, **wakaf bertempoh...**”.*

6. Hukum pelaksanaan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) pernah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan (MJPHSW) kali ke-139 pada 11 November 2022 berkenaan Cadangan Hukum Pelaksanaan Wakaf Bertempoh. Mesyuarat memutuskan supaya DITANGGUHKAN dahulu cadangan pelaksanaan Wakaf *Muaqqat* di Wilayah Persekutuan dan perlu dibentangkan semula pada MJPHSW yang akan datang bersama kertas Model Konsep Wakaf *Mu’aqqat* daripada pihak MAIWP.

7. Sebelum itu, Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah mewujudkan Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur (Wakaf Bertempoh) iaitu kerjasama secara sinergi antara YWM, CIMB Islamic Bank Berhad (CIMB Islamic), Yayasan Belia Malaysia (YBM), Taylor’s University dan FoodPanda. Program ini telah diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah YWM pada 28 September 2021¹ (**Lampiran 1**).

¹ Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). (n.d). *Maklumat Program iTEKAD CIMB Islamic Rider Entrepreneur (Wakaf Bertempoh)*. Diakses pada 23 Ogos 2023 daripada <https://ywm.gov.my/itekad-cimb-islamic-rider-entrepreneur>

8. Namun demikian, kaedah atau model pelaksanaan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) masih belum didokumen secara jelas dan perlu kepada perincian lanjut termasuk pandangan hukum yang muktamad untuk diaplikasikan di Malaysia.

ISU DAN MASALAH

9. Jawatankuasa Muzakarah MKI yang bersidang pada 21 dan 22 Oktober 2024 telah memutuskan Ahli Sunah Waljamaah adalah mazhab rasmi negara ini dari segi perundangan. Keputusan ini termasuk pelaksanaan dalam amalan seharian meliputi ibadat, munakahat dan sebagainya. Malah dalam Akta/ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah mendefinisikan 'Hukum Syarak' adalah mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

10. Dalam aspek muamalat, jumhur berpandangan wakaf perlulah bersifat kekal, sebaliknya wakaf secara bertempoh (*al-muaqqat*) tidak diiktiraf termasuk Mazhab Syafie kerana harta wakaf mesti dikekalkan². Ini bermaksud wakaf tidak boleh terikat dengan had masa tertentu selain perlu bersifat kekal kepada milik Allah SWT. Hanya Mazhab Maliki sahaja yang berpandangan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) harus dilaksanakan atas sebab pemilikan harta adalah kekal kepada pemilik asal³. Malah, keharusan wakaf tunai juga berdasarkan pandangan Mazhab Maliki yang berpendapat tidak perlu syarat *ta'bid* (berkekalan) dalam wakaf walaupun ulama' mazhab

² Wahbah Al Zuhaily (2004). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* Jil. 10. Damsyiq: Dar Al-Fikr, hlm. 7601.

³ Abd al-Razzaq Al-Sanhuri (1949). *Masadir al-Haqq fi al-Fiqh al-Islami: Dirasa Muqarana*. Matba'at al-Nahda. Jil. 2, hlm. 250.

yang lain tidak mengharuskan wakaf tunai ini kerana wang tidak bersifat kekal⁴. Perbezaan pandangan hukum ini tidak menghalang kepada perbincangan untuk meneroka kebolehlaksanaan aplikasi wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) di Malaysia.

11. Pelaksanaan wakaf yang bersifat kekal dan memutuskan pemilikan pewakaf (*waqif*) terhadap harta wakaf (*mauquf*) menyebabkan ruang untuk masyarakat berwakaf dalam nilai yang besar terutamanya sektor korporat akan terbatas. Syarikat-syarikat besar dalam dan luar negara mungkin kurang berminat atau tidak mampu mewakafkan jutaan ringgit untuk pembangunan projek wakaf sekiranya pemilikan terhadap modal tersebut terputus dan diletakhak di bawah MAIN sepenuhnya. Namun, menerusi wakaf yang mempunyai tempoh masa tertentu, wang atau aset yang diwakafkan akan dikembalikan kepada mereka atau diwakafkan semula sebagai modal untuk projek seterusnya. Justeru, wujud peluang yang luas bagi memperkasakan wakaf dengan projek-projek yang bersifat ekonomi menerusi aplikasi wakaf bertempoh dengan tadbir urus yang baik serta pelaburan yang menepati hukum syarak⁵.

12. Amalan menerima pajakan harta wakaf boleh dianggap sebagai wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) kerana melibatkan tempoh masa tertentu dan bayaran tertentu. Pihak MAIN boleh merekodkan harta-harta pajakan ini sebagai wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) tanpa perlu menukar atau meletakkan nama aset kepada MAIN⁶. Namun kekangan ke atas pandangan

⁴ Fathullah Al Haq Muhamad Asni & Jasni Sulong (2017). Wakaf Tunai dan Aplikasinya Dalam Undang-Undang di Negara ASEAN. *Jurnal Syariah*. 25(2), hlm. 217-246.

⁵ Siti Nadiyah Mohd Ali. (2025). *Seruan Pemerkasaan Instrumen Wakaf al-Muaqqat Menerusi GLC, Malaysia Gazette*. Diakses pada 30 April 2025 daripada

<https://malaysiagazette.com/2023/11/05/seruan-pemeriksaan-instrumen-wakaf-al-muaqqat-menerusi-glc/>

⁶ Nur Athirah Badlihisam & Mohd Fairuz Md Salleh (2024). Wakaf Bertempoh (*Muaqqat*): Satu Cadangan Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Dalam Penyata Kewangan. *International Journal of Advanced Research*. 12(6) hlm. 28-46.

hukum sedia ada telah menyebabkan penerimaan pajakan harta wakaf tidak dianggap sebagai wakaf bertempoh (*al-muaqqat*), sebaliknya dilaksanakan seperti konsep sewaan semata-mata, bukannya wakaf. Sekiranya pandangan hukum wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dapat dilaksanakan, maka aset-aset wakaf boleh dimanfaatkan dengan lebih meluas tanpa perlu melibatkan liabiliti atau tanggungan yang tinggi kepada MAIN. Sebaliknya, harta wakaf boleh dimanfaatkan dengan lebih efektif.

METODOLOGI KAJIAN

13. Kajian hukum wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) disediakan menggunakan metodologi kualitatif yang meliputi kajian perpustakaan dan perbincangan berfokus bersama penyelidik, MAIN yang telah mempunyai peruntukan perundangan berkaitan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dan pihak-pihak berkepentingan seperti JANM, SSM, LHDN dan AIBIM pada 10-12 September 2024 dan 15-18 April 2025.

14. Perbincangan meja bulat bersama penyelidik yang dilantik oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) juga diadakan. Penyelidik dan pihak JAWHAR terdiri daripada-

- (i) Prof. To' Puan Dr. Nor Asiah binti Mohamad (UIA);
- (ii) Prof. Madya Dr. Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi (USIM);
- (iii) Prof. Madya Dr. Muhamad Firdaus bin Ab Rahman (USIM);
- (iv) Dr. Azniza Hartini Azrai Azaimi Ambrose (UIA);
- (v) Dr. Izham Hakimi bin Redzan (UKM);
- (vi) Pn. Azura Azreen binti Yusof (JAWHAR);
- (vii) En. Hanif bin Jamaludin (JAWHAR); dan

(viii) Pn. Nor Asmahan binti Abdul Kadir (JAWHAR).

HASIL KAJIAN

Analisis dan Saranan Pasukan Penyelidik

I. Perbincangan Pernyataan Pandangan Yang Lebih Kuat

15. Pengkaji cenderung pendapat mengharuskan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dengan justifikasi yang berikut:

15.1 Hadis berkenaan Saidina Umar r.a mewakafkan tanah miliknya di Khaibar:

(a) Hadis tentang Saidina Umar r.a dan sabda Rasulullah SAW menunjukkan bahawa boleh untuk mewakafkan manfaat sesuatu harta itu selama-lamanya. Dalil tersebut tidak melarang untuk mewakafkan sesuatu manfaat secara sementara atau bertempoh. Golongan pertama tidak berhujah dengan potongan hadis Rasulullah SAW (إن شئت) yang menunjukkan isyarat bahawa wakaf ini dilakukan berdasarkan pilihan pewakaf. Dalil ini juga tidak menunjukkan bahawa syarat kekal itu wajib pada semua wakaf. Maka wakaf ini boleh dilakukan secara kekal atau secara sementara berdasarkan kehendak dan kemaslahatan pewakaf dan penerima wakaf.

(b) Lafaz yang lain daripada hadis tersebut ialah (لا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ), yang bermaksud “tidak boleh dijual beli, tidak dihibahkan (beri) dan tidak diwariskan (dipusakai)”. Berdasarkan *taqrir* Rasulullah SAW terhadap lafaz Saidina Umar r.a ini, ia menunjukkan Baginda membenarkan kehendak Saidina Umar

r.a untuk berbuat demikian terhadap tanah yang diwakafkan. Akan tetapi, *taqrir* Rasulullah SAW ini tidak menunjukkan bahawa Baginda tidak bersetuju jika wakaf itu dilakukan secara bertempoh. Maka, kita juga tidak boleh untuk berpegang bahawa *taqrir* Rasulullah SAW menunjukkan pengharaman wakaf bertempoh (*al-muaqqat*).

- (c) Perbincangan di atas menunjukkan bahawa hujah daripada golongan kedua lebih kuat berbanding hujah golongan pertama. Kesimpulannya, wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) harus untuk diamalkan sebagaimana harus wakaf secara kekal⁷.

15.2 Keharusan mengguna pakai pandangan mazhab lain selain Mazhab Syafie:

Dalam konteks keharusan mengambil pandangan mazhab yang lain, perkara ini bukanlah perkara baharu malah telah dilaksana dalam mengharuskan hukum wakaf tunai. Malah, Enakmen Wakaf secara jelas menyebut bahawa Hukum Syarak bermaksud pandangan Mazhab Syafie atau mana-mana mazhab yang lain iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali. Selain itu, pandangan ulama' seperti Imam Baijuri, ibn Suraij, al-Nawawi juga boleh dijadikan asas bagi menyokong pengharusan wakaf bertempoh.

⁷ Muhamad Firdaus Ab Rahman, & Muhammad Amanullah (2024). The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest. *Global Journal Al-Thaqafah*. 7(2), hlm. 175–187. <https://doi.org/10.7187/GJAT122017-11>

II. Konsep Wakaf Bertempoh

16. Pemilikan terhadap harta wakaf tidak berubah sepanjang tempoh pewakafan

Isu pengguguran hak milik harta tidak memberi kesan dan tidak diaplikasikan dalam wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) kerana konsep wakaf bertempoh terikat dengan suatu tempoh tertentu dan akan dikembalikan kepada pewakaf itu setelah tamat tempoh yang ditetapkan. Hal ini menunjukkan bahawa status pemilikan harta wakaf bertempoh kekal menjadi milik pewakaf kerana sepanjang tempoh wakaf berlangsung, harta itu tidak dibenarkan untuk dijual beli, dihibahkan dan diwarisi serta segala transaksi hanya boleh dilakukan selepas tamat tempoh wakaf.

17. Wakaf merupakan sebahagian daripada sedekah

Wakaf ialah satu bentuk sedekah yang tidak disebutkan oleh syarak secara khusus tetapi terdapat banyak hadis yang menunjukkan pelbagai cara untuk menginfakkan harta dan tiada larangan untuk menginfak atau mewakafkan harta secara bertempoh. Namun terdapat larangan membelanjakan harta wakaf sama ada dengan sebarang bentuk pertukaran atau selainnya ketika tempoh wakaf itu masih berjalan.

18. Keperluan kepada berwakaf secara bertempoh

Prinsip wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) bukanlah satu prinsip yang bercanggah dengan prinsip wakaf kekal malah wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) ini bersesuaian dengan peredaran semasa. Hukum *furu'* ini akan berubah mengikut peredaran zaman dan keadaan setempat kerana masalah dan wakaf bertempoh diperlukan pada masa kini. Ini memandangkan masyarakat muslim pada zaman dahulu tidak terlalu

berhajat kepada wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dan ia tidak dibincangkan secara terperinci⁸.

19. **Wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) menyerupai hukum *istibdal***

Asal bagi sesuatu harta yang diwakafkan itu tidak berkekalan kerana harta ini boleh binasa atau rosak mengikut peredaran zaman. Oleh itu, para fuqaha' mengharuskan *istibdal* pada harta wakaf bagi memperbaharui harta wakaf yang telah rosak atau lama dengan harta gantian yang baharu dan kaedah ini seakan-akan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*).

20. **Kesan akad bertempoh pada penerima harta wakaf**

Wakaf secara kekal disasarkan kepada penerima wakaf yang berkekalan seperti golongan fakir miskin dan jemaah masjid. Jika tujuan wakaf itu disasarkan kepada penerima yang bersifat tidak kekal seperti individu yang tertentu, anak-anaknya, atau kaum kerabat, maka tujuan wakaf itu akan berakhir selepas sempurna tempoh masa yang ditetapkan. Perkara ini diharuskan oleh Abu Yusuf al-Hanafi dan sebahagian ulama' mazhab Syafie untuk melakukan wakaf kepada penerima wakaf yang tidak kekal.

21. **Syarat-syarat pewakaf dalam sighah wakaf**

Asal di dalam syariat terhadap sesuatu akad adalah untuk menjaga akad tersebut selagi tidak bercanggah dengan syarak dan sesuatu yang boleh membatalkannya. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh iaitu "syarat yang ditetapkan oleh pewakaf adalah sama seperti nas syarak". Walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa berkekalan dan berterusan itu sebahagian daripada kesempurnaan wakaf, tidak dilarang jika pewakaf ingin mewakafkan sesuatu itu secara bertempoh.

⁸ Monzer Qahf (2000). *Al-Waqf al-Islāmī: Taṭawwuruḥu wa-Idāratuhu wa-Tanmiyatuhu*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, hlm. 62.

III. Memenuhi Keperluan *Maqasid Syariah*

22. Wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) sebagai pilihan selain wakaf *al-muabbad*

Wakaf bertempoh merupakan instrumen yang mampu merealisasikan kelangsungan kesemua *dharuriyyat al-khams* dalam *maqasid syariah* iaitu memperkasakan syiar agama Islam, memelihara nyawa, menjaga akal, keturunan dan harta. Wakaf adalah platform yang dapat membantu menguat dan menambah pemilikan harta orang Islam. Malah, dengan panduan dan pengurusan yang baik, wakaf boleh berperanan menyelamatkan harta orang Islam. Berdasarkan *maqasid syariah* dan wujudnya masalah yang jelas, maka tajdid dan islah perlu bagi mengguna pakai **wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) sebagai pilihan selain wakaf *muabbad***. Antara masalah wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) adalah:

- (a) Merealisasikan pembangunan aset wakaf dengan lebih fleksibel melalui kemudahan kepada bakal pewakaf untuk menentukan tempoh kontrak wakaf supaya pewakaf dapat merancang dan mengatur wakaf mengikut keperluan dan keupayaan mereka. Ia memberi peluang kepada mereka untuk menyerahkan aset untuk sementara waktu kepada pentadbir wakaf untuk tujuan pelaburan atau sewaan dan kegunaan umum dalam tempoh yang ditetapkan;
- (b) Menarik minat masyarakat serta menyediakan ruang dan pilihan untuk berwakaf. Natiujahnya, ia mampu meningkatkan bilangan pewakaf dan penerima manfaat secara lebih aktif. Terdapat individu yang berhasrat untuk melakukan wakaf tetapi atas sebab tertentu mereka mungkin tidak mahu melepaskan pemilikan secara kekal. Oleh itu, wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) memberi jaminan kepada

- pewakaf bahawa harta mereka akan dikembalikan semula kepada pemilikan mereka selepas tamat tempoh wakaf;
- (c) Meningkatkan produktiviti harta/aset lebihan yang tidak dimanfaatkan secara efektif seperti bangunan, rumah, kenderaan atau wang tunai. Daripada membiarkan harta ini tidak dimanfaatkan secara berkesan, melalui konsep wakaf bertempoh (*al-muaqqat*), ia memberi pemilik harta tadi pilihan untuk menyerahkan aset mereka kepada pentadbir wakaf. Menerusi pilihan ini, harta-harta tadi dapat dimasukkan ke dalam kitaran ekonomi bagi dimanfaatkan secara produktif walaupun untuk tempoh yang singkat; dan
 - (d) Pelaksanaan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) merupakan suatu pembaharuan yang selari dengan *maqasid syariah* untuk menjaga dan mengembangkan harta. Hal ini kerana konsep wakaf lebih bersifat umum terutamanya dalam pembahagian manfaat yang akan membawa kemakmuran demi kepentingan negara.

IV. Memenuhi Keperluan Dalam Pengembangan Ekonomi

23. Memanfaatkan aset wakaf

Dari sudut pandang ekonomi, banyak manfaat yang boleh diagihkan dari aset berbentuk sementara. Wang tunai boleh diberikan sebagai hutang tanpa riba kepada yang memerlukan ataupun sebagai bantuan kecemasan bencana. Terbitan saham mampu memberi dana kepada projek yang mendukung masalah ummah. Aset bukan kewangan seperti kenderaan, perabot, peralatan hospital dan sebagainya mampu memberikan manfaat walaupun mengalami susut nilai.

24. **Adaptasi dengan ekonomi semasa**

Di Malaysia, kewujudan wakaf korporat, amanah saham wakaf (*waqf linked unit trust*) dan dana dagangan bursa wakaf (*waqf featured i-ETF*), membuktikan bahawa wakaf boleh mengadaptasi dengan ekonomi semasa. Majoriti aplikasi wakaf ini bertitik tolak dari kegunaan wang tunai, yang nilainya susut dengan sorotan masa, ditambah lagi dengan naik turun nilai amanah saham dan dana dagangan bursa. Ini adalah kontra dengan ciri-ciri kekal yang sinonim dengan wakaf *muabbad*.

25. **Ciri wang tunai hampir sama dengan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*)**

Wang tunai atau wang fiat adalah aset yang cirinya hampir dengan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) berbanding wakaf *muabbad* kerana nilai intrinsik wang tunai menurun dengan sorotan masa. Konsep ini dikenali sebagai nilai masa wang atau *time value of money*. Maka, selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-77 yang telah memutuskan bahawa berwakaf wang tunai (wang fiat) adalah dibolehkan, keharusan berwakaf secara sementara juga boleh dipertimbangkan.

26. **Wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) sebagai sebahagian kaedah pembiayaan awam**

Bagi menguatkan hujah, Ambrose, Aslam, dan Hanafi⁹ telah menunjukkan bahawa hutang negara mampu dikurangkan apabila amanah saham wakaf membiayai barangan awam (*public goods*) dan barangan awam bercampur (*mixed public goods*). Malah, dengan menggunakan metod pembuktian matematik, Ambrose dan Peredaryenko¹⁰ telah membuktikan bahawa wakaf

⁹ Ambrose, A. H., Aslam, M., & Hanafi, H. (2019). Waqf financing expenditure and its impact on government debt. *European Journal of Islamic Finance*. 13(1), hlm.1-14.

¹⁰ Ambrose, A. H., Peredaryenko, M. S. (2022). Temporary Waqf and Perpetual Benefit: A Mathematical Proof. *International Journal of Economics, Management and Accounting*. 30(1), hlm.151 -173.

bertempoh boleh memberikan manfaat kekal dengan bantuan teknologi rantai blok (*blockchain technology*), kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), dan internet benda (*internet of things*). Namun begitu, wakaf bertempoh tersebut mestilah dalam kategori wakaf khas.

V. Keperluan Penyeragaman Tafsiran Hukum Berkaitan Wakaf

27. Perbezaan tafsiran antara negeri berkaitan wakaf iaitu wakaf mestilah kekal dan wakaf juga boleh secara bertempoh, menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk menyeragam tafsiran wakaf yang jelas. Penyeragaman ini harus dibuat dengan mewujudkan pandangan hukum dan fatwa yang jelas. Dalam konteks ini, wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) harus dibenarkan supaya tidak mengelirukan masyarakat. Objektif untuk membenarkan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) bukanlah untuk menafikan atau menidakkan bahawa wakaf mestilah bersifat kekal, bahkan seruan kepada membenarkan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) adalah bagi mempercepatkan dan membantu merealisasi matlamat wakaf secara kekal.

VI. Keperluan Kepada Penambahbaikan Dalam Perundangan Sedia Ada

28. Wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) perlu perundangan yang jelas

Ketiadaan peruntukan undang-undang yang jelas dalam Enakmen Wakaf/Enakmen Pentadbiran Agama Islam, menyebabkan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) boleh dicabar kesahihannya dan menjadi kes pecah amanah atau pecah kontrak di peringkat pengadilan mahkamah sivil. Dalam hal ini, sekiranya diwujudkan peruntukan undang-undang berkaitan wakaf bertempoh (*al-muaqqat*), maka harus juga ditubuhkan satu pihak *sulh* yang melibatkan pakar-pakar yang berkaitan bagi mengelakkan kes-kes wakaf dibawa ke pengadilan sivil yang bukan sahaja akan melibatkan reputasi institusi syariah bahkan agama Islam itu sendiri.


29. Keperluan pengurusan risiko wakaf bertempoh (*al-muaqqat*)

Pengurusan risiko wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) juga harus merangkumi perkara berkaitan hak dan pertanggungjawaban pihak yang terlibat sebagai pewakaf, mutawalli atau pengurus harta semasa kontrak berlangsung dan sewaktu pemulangan. Penglibatan pakar dalam kontrak yang berkaitan termasuklah pengamal undang-undang dan syariah adalah penting dengan mewujudkan pemegang amanah, penasihat syariah dan pihak pengurusan yang pakar dan arif tentang bidang mereka dan juga wakaf.

VII. Parameter dan Model

30. Berdasarkan hujah dan analisis di atas, parameter dan model yang disyorkan adalah seperti di dalam **Garis Panduan dan Parameter Wakaf Bertempoh (*al-Muaqqat*)** di Lampiran 2.

31. Rajah berikut adalah cadangan model kerangka umum pembiayaan berdasarkan wakaf tunai bertempoh (*al-muaqqat*).





Kategori: **Muamalat/Ekonomi**

Tahun: **2025**

Status Pewartaan: **Tidak Diwartakan**

Negeri: **Pandangan Hukum Muzakarah MKI**

HUKUM WAKAF BERTEMPOH (AL-MUAQQAT) DAN PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-128 yang bersidang pada 1 hingga 4 Rabiulakhir 1447H bersamaan 23 hingga 26 September 2025M telah membincangkan mengenai hukum wakaf bertempoh (*al-muaqqat*) dan pelaksanaannya di Malaysia. Muzakarah telah bersetuju dan berpuas hati dengan hujah-hujah dan fakta-fakta yang telah dikemukakan oleh penyelidik dan berpandangan bahawa:

1. Wakaf pada asalnya adalah mesti bersifat *taabid* (berkekalan). Pengurusan wakaf hendaklah mengutamakan wakaf taabid dalam pelaksanaan wakaf; dan
2. Pelaksanaan wakaf *al-muaqqat* adalah diharuskan dengan memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) harta yang dibenarkan untuk diwakafkan secara bertempoh meliputi harta alih, harta tak alih, harta intelek atau lain-lain harta yang mempunyai nilai mengikut Hukum Syarak;
 - (b) tempoh bagi wakaf *al-muaqqat* adalah mengikut masa yang difikirkan munasabah oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan/atau pihak-pihak yang terlibat selagi mana harta tersebut boleh mendatangkan faedah atau manfaat;
 - (c) peletakhakan harta wakaf semasa wakaf *al-muaqqat* berkuatkuasa adalah terhadap MAIN dan/atau pihak-pihak yang terlibat berdasarkan terma yang dipersetujui bersama;

(d) satu garis panduan pengurusan wakaf *al-muaqqat* hendaklah diwujudkan merangkumi isu pendaftaran harta wakaf, pemindahan hak milik kepada MAIN, pihak bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kerugian serta menerangkan keutamaan wakaf kekal (*al-muabbad*) dan bidang kuasa MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf termasuk wakaf *al-muaqqat*.